

# UPM juara olahraga Masum 2009

SERDANG 13 Mac – Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan kejaguhan mereka apabila menjuarai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2009 di Stadium UPM di sini baru-baru ini.

Kontinjen UPM merangkul 24 pingat emas, lima pingat perak dan empat pingat gangsa untuk muncul juara selain memecahkan beberapa rekod kejohanan seperti acara 100 meter, 4 X 200 meter lari berganti-ganti dan 800 meter.

Kejayaan UPM bergelar juara tidak hanya bergantung kepada beberapa pelajar UPM bertaraf atlet kebangsaan kerana beberapa atlet yang bukan atlet kebangsaan turut menyumbangkan pingat emas.

Kemenangan itu dilihat sebagai pengubat duka kegagalan mencapai sasaran pingat emas acara olahraga pada Kejohanan Universiti ASEAN pada tahun lalu.

Pada kejohanan itu juga, Mohd. Jironi Riduan dari UPM dinobatkan sebagai Olahragawan Terbaik manakala Azura Ahmad dari Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI) sebagai Olahragawati Terbaik.